



3.0

UNJURAN PEMBANGUNAN PERAK 2040



3.0 PENDAHULUAN

Bagi memudahkan perancangan pembangunan Negeri Perak sehingga tahun 2040 disediakan, terdapat beberapa unjuran yang perlu dijadikan sebagai asas dalam pembentukan dasar RSN Perak 2040.

3.1 PENDUDUK

3.1.1 Unjuran Mengikut Senario

Terdapat empat senario diguna untuk membuat unjuran penduduk Negeri Perak sehingga tahun 2040. Keempat-empat senario tersebut ialah:

- i. Senario 1 : Unjuran mengikut tren / kadar semasa
- ii. Senario 2 : Unjuran mengikut pertumbuhan semula jadi
- iii. Senario 3 : Unjuran mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia
- iv. Senario 4 : Unjuran mengikut Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3)


Jadual 3.1 dan **Rajah 3.1** menunjukkan jumlah penduduk yang diunjurkan sehingga tahun 2040 mengikut keempat-empat senario. Senario 3 mengunjurkan jumlah penduduk terbesar iaitu akan mencapai 4.08 juta orang penduduk di Negeri Perak pada tahun 2040. Penerusan trend / kadar semasa seperti direkodkan pada tahun 2010-2015 bagi Senario 1 akan meningkatkan jumlah penduduk kepada 3.21 juta pada penghujung tahun perancangan. Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengunjurkan jumlah penduduk Negeri Perak akan mencapai 2.98 juta pada tahun 2040. Manakala RFN3 telah mengunjurkan jumlah penduduk negeri akan mencapai 3.07 juta orang pada tahun 2040.

Jadual 3.1 : Unjuran Penduduk Mengikut Senario, 2015-2040

Tahun \ Senario	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Senario 1	2,477,700	2,609,200	2,747,700	2,893,600	3,047,200	3,209,000
Senario 2	2,477,700	2,735,500	3,020,200	3,345,500	3,693,700	4,078,100
Senario 3	2,477,700	2,594,800	2,717,800	2,826,700	2,913,200	2,976,700
Senario 4	2,477,700	2,594,800	2,717,800	2,826,700	2,945,000	3,070,000

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Rajah 3.1: Unjuran Penduduk Negeri Perak Mengikut Senario 2015-2040



Kajian ini
mencadangkan
Senario 4 diambil
sebagai angka
unjuran Negeri Perak

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

FAKTOR PEMILIHAN SENARIO 4 SEBAGAI UNJURAN NEGERI PERAK

- i. RFN3 merupakan dokumen perancangan pembangunan nasional terkini dan data-data yang diguna dan dirujuk masih relevan.
- ii. Untuk menyelaraskan data-data unjuran mengikut negeri yang telah dibuat di dalam RFN3.
- iii. Unjuran RFN3 telah mengambil kira faktor-faktor strategik secara menyeluruh termasuk aspek ekonomi dan fizikal serta potensi dan kekuatan setiap negeri dalam konteks pembangunan negara.
- iv. Unjuran RFN3 dan Jabatan Perangkaan Malaysia yang hampir sama dengan perbezaan 3% sahaja.
- v. Untuk menyelaraskan dasar, cadangan dan langkah RFN3 yang berkaitan unjuran penduduk mengikut Negeri Perak.

3.1.2 Unjuran Penduduk Mengikut Daerah

Unjuran penduduk mengikut daerah dibuat berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Unjuran-unjuran penduduk terkini yang telah dibuat di peringkat Rancangan Tempatan Daerah (RTD).
- ii. Unjuran mengikut daerah sehingga tahun 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
- iii. Cadangan sasaran taburan penduduk mengikut wilayah Negeri Perak (**Rajah 3.2**).



Rajah 3.2 : Wilayah Negeri Perak



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 dan Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Daerah Hulu Perak dengan saiz, kedudukan dan ciri-ciri tersendiri merupakan wilayah khas yang 'dikawal' pertumbuhannya akan mempunyai jumlah penduduk paling kecil antara wilayah.

Wilayah Utara (Daerah Larut Matang dan Selama serta Daerah Kerian) sebagai wilayah pertumbuhan yang dipacu oleh Kawasan Pertumbuhan 'Greater Kamunting' diunjurkan akan menjadi tumpuan 23 peratus daripada jumlah penduduk Negeri Perak menjelang tahun 2040.

Wilayah Metropolitan Lembah Kinta (WMLK) yang terdiri daripada Daerah Kinta; Kampar; Kuala Kangsar; Perak Tengah; dan Manjung sebagai wilayah tumpuan utama penduduk Negeri Perak selaras dengan kedudukannya sebagai Wilayah Teras atau 'Core Region' Negeri Perak. Daerah Kinta akan terus berfungsi sebagai Pusat Teras atau 'Core Centre' kepada WMLK dengan jumlah penduduk mencapai lebih 1 juta orang. WMLK juga mempunyai dua Zon Promosi Pelaburan (ZPP) seperti dicadangkan di dalam RFN3 iaitu ZPP Ipoh dan ZPP Lumut-Sitiawan-Manjung yang akan memberi kesan kepada corak tumpuan penduduk Negeri Perak secara keseluruhan.

Wilayah Selatan atau dikenali sebagai Lembah Bernam (Daerah Muallim, Batang Padang, Bagan Datuk dan Hilir Perak) secara bergabung diunjurkan akan mewakili 15.0 peratus daripada jumlah penduduk negeri.

Jadual 3.2 menunjukkan unjuran penduduk mengikut daerah sehingga tahun 2040 berdasarkan sasaran taburan mengikut wilayah.

Jadual 3.2 : Unjuran Penduduk Mengikut Daerah 2015-2040

Daerah	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Batang Padang	88,800	91,500	94,000	97,100	100,500	104,500
Muallim	97,400	100,300	102,700	106,100	110,200	114,500
Manjung	249,600	265,500	280,000	294,200	307,000	324,500
Kinta	810,400	851,300	900,100	931,200	972,100	1,001,500
Kampar	103,600	107,100	112,500	116,700	119,700	122,100
Kerian	190,700	201,400	211,300	221,900	233,400	242,900
Kuala Kangsar	163,800	167,500	172,700	176,800	180,200	186,400
Larut Matang dan Selama	352,800	371,900	394,100	417,700	442,100	466,300
Hilir Perak	144,400	148,000	149,400	152,500	156,400	169,400
Bagan Datuk	71,300	73,600	75,000	76,800	79,500	86,900
Hulu Perak	97,300	102,600	105,100	107,300	109,100	112,800
Perak Tengah	107,600	114,100	120,900	128,400	134,800	138,200
Jumlah	2,477,700	2,594,800	2,717,800	2,826,700	2,945,000	3,070,000

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

3.2 TENAGA BURUH DAN PEKERJAAN

Unjuran tenaga buruh (**Jadual 3.3**) dibuat berdasarkan kepada beberapa andaian iaitu:

- 1.** Peratus golongan aktif daripada jumlah penduduk semasa (2015) diandaikan konstan.
- 2.** Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sedikit mencapai 63.0 peratus pada penghujung tahun perancangan.
- 3.** Jumlah penduduk aktif diunjurkan akan mencapai 2.06 juta dan jumlah tenaga buruh pula meningkat kepada 1.3 juta pada tahun 2040.

Jadual 3.3 : Unjuran Tenaga Buruh, 2015-2040

Perkara \ Tahun	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Jumlah Penduduk	2,477,700	2,594,800	2,717,800	2,826,700	2,945,000	3,070,000
Peratus Golongan Aktif (%)	67.2	67.2	67.2	67.2	67.2	67.2
Jumlah Golongan Aktif	1,666,200	1,743,700	1,826,400	1,899,500	1,979,000	2,063,000
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	61.4	61.7	62.0	62.3	62.6	63.0
Jumlah Tenaga Buruh	1,014,300	1,075,800	1,132,400	1,183,400	1,238,800	1,299,700

Sumber: *Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.*

Manakala unjuran sektor pekerjaan dibuat berdasarkan kepada andaian-andaian berikut:

- 1.** Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan mengalami tren menurun dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan.
- 2.** Sektor perlombongan dan kuari menunjukkan peningkatan jumlah pekerjaan berdasarkan kepada impak positif pelaksanaan usaha eksplorasi dan pencarian sumber-sumber mineral baru berdasarkan cadangan 'Perak Mineral *Blueprint*'.
- 3.** Sektor-sektor tumpuan dan penjana utama peluang pekerjaan termasuklah sektor pembuatan; perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel; perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan; sektor pekhidmatan kerajaan, sosial dan persendirian. Keempat-empat sektor utama ini secara bergabung akan menyediakan 70% daripada jumlah peluang pekerjaan Negeri Perak sehingga tahun 2040.



Jadual 3.4 menunjukkan unjuran pekerjaan mengikut sektor Negeri Perak antara tahun 2015 hingga 2040.

Jadual 3.4 : Unjuran Pekerjaan Mengikut Sektor, 2015-2040 ('000)

Sektor Ekonomi	2015		2020		2025		2030		2035		2040	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Sektor Pertama												
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	121.5	12.5	120.8	11.5	118.7	11.1	116.9	10.7	114.2	10.1	111.7	9.5
Perlombongan dan Kuari	9.9	1.0	11.7	1.1	12.4	1.1	13.9	1.2	14.6	1.2	16.4	1.3
Sektor Kedua												
Pembuatan	176.1	18.1	209.8	19.2	225.6	19.3	238.1	19.3	253.8	19.6	274.4	20.2
Pembinaan	84.0	8.7	94.0	8.7	102.4	9.2	114.8	9.7	122.9	10.1	134.9	10.3
Sektor Ketiga												
Elektrik, Gas dan Air	8.5	0.9	9.9	0.9	11.8	1.0	13.0	1.1	13.5	1.1	15.6	1.2
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	27.8	2.9	30.6	2.8	32.8	2.8	33.4	2.8	34.7	2.8	36.6	2.8
Perdagangan Borong dan Runcit, Restoran dan Hotel	173.2	17.9	207.7	19.3	220.3	19.5	230.0	19.4	239.3	19.3	250.4	19.3
Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perniagaan	179.9	18.6	198.6	18.5	202.4	17.9	206.4	17.8	219.6	17.7	222.6	17.1
Perkhidmatan Kerajaan, Sosial dan Persendirian	176.1	18.2	180.8	17.8	193.5	17.1	203.4	17.1	211.5	17.1	220.4	17.0
Lain-lain	11.0	1.1	11.9	1.1	12.5	1.1	13.5	1.1	14.7	1.2	16.7	1.2
Jumlah	968.0	100	1,075.8	100	1,132.4	100	1,183.4	100	1,238.8	100	1,299.7	100

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

3.3 PEMBANGUNAN GUNA TANAH

Berdasarkan Jadual 3.5, didapati tepu bina pada tahun 2040 akan meningkat sehingga 227,356.45 hektar. Ini melibatkan kenaikan sebanyak 108,982 hektar bermula dari 2015 sehingga tahun 2040. Berdasarkan jumlah zon guna tanah yang belum dimajukan, jumlah yang boleh ditampung terhadap tepu bina sehingga tahun 2040 adalah 91,896.21 hektar sahaja. Sehubungan itu, tambahan zon guna tanah tepu bina sebanyak 17,085.75 hektar diperlukan untuk menampung unjuran penduduk sehingga tahun 2040 (Jadual 3.6).

Jadual 3.5 : Unjuran Tanah (Hektar) Yang Tersedia Untuk Dimajukan

Tahun	Jumlah Penduduk	Tepu Bina
2002	2,059,460	61,703.81
2015	2,477,400	118,374.45
Tahun	Unjuran Penduduk	Unjuran Tepu Bina
2020	2,594,700	140,170.85
2025	2,710,600	161,967.25
2030	2,826,700	183,763.65
2035	2,945,000	205,560.05
2040	3,070,000	227,356.45

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Nota: Unjuran tepu bina sehingga tahun 2040: 108,982 hektar.

Jadual 3.6 : Zon Guna Tanah Tepu Bina Yang Diperlukan Untuk Dimajukan

Perkara	Luas (Hektar)
Jumlah pertambahan tepu bina sehingga 2040	108,982
Jumlah zon guna tanah yang belum dimajukan	91,896.21
Baki zon guna tanah tepu bina yang diperlukan sehingga 2040	17,085.79

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

3.4 PENGANGKUTAN

3.4.1 Unjuran 'Modal Split' di dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-3

Di dalam RFN3, di bawah Tindakan PD4.1B - Mempertingkatkan Perhubungan Bandar dinyatakan unjuran *modal split* bagi bandar-bandar utama tetapi tidak menyebut Ipoh atau bandar-bandar lain di Negeri Perak (**Jadual 3.7**).

Jadual 3.7 : Modal Split Pengangkutan Awam Darat 2020 - 2050

Kawasan	2020	2030	2040	2050
Kuala Lumpur	40%	50%	60%	70%
Putrajaya / Cyberjaya	30%	40%	60%	70%
Kawasan lain Konurbasi Kuala Lumpur	30%	40%	60%	60%
Johor Bahru	30%	40%	50%	70%
George Town	40%	50%	60%	70%
Bandar Ibu Negeri dan bandar utama	30%	40%	60%	70%
Semenanjung Malaysia	40%	50%	60%	70%

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016.



Unjuran ini agak optimistik kerana pencapaian *modal split* semasa di bandar-bandar seperti Johor Bahru yang sedang pesat membangun adalah 10% bagi kenderaan awam. Selain itu, sasaran untuk kawasan selain bandar-bandar yang disebutkan adalah 40%. Sasaran ini sepatutnya lebih rendah kerana melibatkan kawasan luar bandar di mana tahap perkhidmatan pengangkutan awam tidak sebaik kawasan bandar dan tiada alternatif pengangkutan awam lain seperti LRT, Monorel dan sebagainya. Oleh itu, unjuran yang lebih konservatif dengan mengambil kira nisbah dan kemudahan sedia ada adalah seperti **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8 : Modal Split Negeri Perak 2020 – 2040

Kawasan	2020	2030	2040
Bandaraya Ipoh	15%	30%	50%
Bandar-bandar utama Negeri Perak selain Ipoh	10%	20%	30%
Kawasan luar bandar	6%	15%	25%

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Sasaran nisbah 50:50 bagi Bandaraya Ipoh menjelang akhir tahun perancangan sudah mengambil kira kemungkinan penyediaan LRT di sini. Perkhidmatan ETS dan komuter sudah pun dijalankan dan tidak banyak lagi yang boleh ditambah baik dari segi ini. Bagi kawasan luar bandar tentunya keadaan semasa adalah jauh lebih rendah dan sehingga akhir tahun perancangan sasarannya berada di sekitar 25% sahaja.

3.5 INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

3.5.1 Bekalan Air

Keseluruhan kapasiti loji air LAP terkini berkemampuan menjana 1,823 juta liter sehari. Penggunaan air pada tahun 2015 ialah 1,454 juta liter sehari dan kapasiti semasa masih mencukupi untuk kegunaan penduduk Negeri Perak. Menjelang tahun 2040, dianggarkan berlakunya peningkatan bekalan air untuk Negeri Perak. Unjuran ini dibuat berdasarkan peningkatan penggunaan sebanyak 3% setahun.

Jadual 3.9: Unjuran Penggunaan Bekalan Air 2015-2040 di Negeri Perak

Wilayah	Unjuran Penggunaan Air (JLH)					
	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Utara	124.09	142.70	164.11	188.73	217.03	249.59
Barat	281.2	323.38	371.89	427.67	491.82	565.59
Tengah 1	572.96	658.90	757.74	871.40	1002.11	1152.43
Tengah 2	261.84	301.12	346.28	398.23	457.96	526.65
Selatan	214.81	247.03	284.09	326.70	375.70	432.06
Jumlah	1,454.89	1,673.12	1,924.09	2,212.71	2,544.61	2,926.30

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Berdasarkan **Jadual 3.9**, dianggarkan bekalan air yang digunakan adalah sebanyak 2,926 juta liter sehari. Ini menunjukkan bahawa kapasiti loji air LAP pada masa kini tidak mampu menampung penggunaan pada masa hadapan bermula dengan tahun 2025 sehingga tahun 2040. Pada tahun 2025 sahaja, berlaku peningkatan penggunaan air sebanyak 5.2% daripada kapasiti semasa yang dibekalkan. Penggunaan air meningkat kepada 37.6% pada tahun 2040. Oleh itu, penambahan loji rawatan air hendaklah dilaksanakan supaya bekalan air di Negeri Perak tidak terputus dan kapasiti bekalan air dapat dipertingkatkan.

3.5.2 Bekalan Elektrik

Keupayaan terpasang bagi bekalan elektrik di Negeri Perak sehingga Disember 2016 ialah 1,314 MVA. Penggunaan bekalan elektrik pada tahun 2015 yang dijadikan sebagai tahun asas bagi unjuran penggunaan bekalan elektrik adalah 1,224 MVA. Dengan itu, bekalan elektrik pada masa kini adalah mencukupi di keseluruhan daerah Negeri Perak. Namun, pada tahun 2040, dianggarkan berlakunya pertambahan penggunaan bekalan elektrik di Negeri Perak. Unjuran penggunaan bekalan elektrik dibuat berdasarkan penggunaan sebanyak 5.29% setahun, iaitu purata peningkatan untuk lima tahun terkini.

Jadual 3.10 : Unjuran Penggunaan Bekalan Elektrik 2015-2040 di Negeri Perak

Daerah	Unjuran Penggunaan Elektrik (MVA)					
	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Batang Padang	65	82	104	131	166	210
Muallim	31	39	50	63	79	100
Manjung	146	185	233	295	373	472
Kinta	567	717	907	1,146	1,450	1,833
Kampar	28	35	45	57	72	91
Kerian	39	49	62	79	100	126
Kuala Kangsar	45	57	72	91	115	145
Larut Matang dan Selama	138	175	221	279	353	446
Hilir Perak dan Bagan Datuk	36	46	58	73	92	116
Hulu Perak	76	96	122	154	194	246
Perak Tengah	53	67	85	107	136	171
Jumlah	1,224	1,548	1,957	2,475	3,129	3,957

Sumber: *Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.*

Berdasarkan **Jadual 3.10**, dianggarkan bekalan elektrik yang digunakan pada tahun 2040 adalah sebanyak 3,957 MVA. Ini menunjukkan bahawa kapasiti atau keupayaan terpasang bekalan elektrik pada masa kini masih mampu menampung penggunaan pada masa hadapan.



3.5.3 Pengurusan Sisa Pepejal

Sehingga tahun 2016, sebanyak 1,931 tan sehari sisa pepejal dihasilkan di Negeri Perak. Penghasilan sisa pepejal dijangka meningkat menjelang tahun 2040. Unjuran penghasilan sisa pepejal di Negeri Perak adalah berdasarkan andaian penjanaan sebanyak 0.8 kg seorang sehari. Sehingga tahun 2040, sejumlah 2,456 tan sehari sisa pepejal akan dihasilkan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 21% berbanding penghasilan sisa pada masa kini. **Jadual 3.11** menunjukkan unjuran penjanaan sisa pepejal sehingga tahun 2040. Jika dilihat pada jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada, kerja-kerja naik taraf tapak pelupusan sisa pepejal hendaklah dilakukan supaya sisa pepejal yang akan dihasilkan dapat dilupuskan dengan sempurna dan lebih mesra alam.

Jadual 3.11: Unjuran Penjanaan Sisa Pepejal 2015-2040 di Negeri Perak

Daerah	Penjanaan Sisa Pepejal (tan/hari)					
	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Batang Padang	71.04	73.2	75.2	77.7	80.4	83.6
Manjung	199.68	212.4	224.0	235.4	245.6	259.6
Kinta	648.32	681.0	714.3	745.0	777.7	801.2
Kerian	152.56	161.1	169.0	177.5	186.7	194.3
Kuala Kangsar	131.04	134.0	138.2	141.4	144.2	149.1
Larut Matang dan Selama	282.24	297.5	315.3	334.2	353.7	373.0
Hilir Perak	115.52	118.4	119.5	122.0	125.1	135.5
Hulu Perak	77.84	82.1	84.1	85.8	87.3	90.2
Perak Tengah	86.08	91.3	96.7	102.7	107.8	110.6
Jumlah	1,982.16	2,075.8	2,168.5	2,261.4	2,356.0	2,456.0

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

3.6 PERDAGANGAN, PERKHIDMATAN DAN PERINDUSTRIAN

3.6.1 Perdagangan dan Perkhidmatan

Unjuran keperluan ruang lantai kedai di Negeri Perak bagi tempoh 2016-2040 dibuat berasaskan kepada tren pertumbuhan ruang lantai tahun 2005-2016 pada kadar purata 3.3% setahun. Kajian ini turut mengambil kira kelembapan ekonomi dunia dan kejatuhan nilai ringgit dan hasil kutipan kerajaan bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang ini, dan mencadangkan supaya kadar purata yang diterima pakai adalah lebih rendah kepada 2.5%. Kadar penghunian yang agak sederhana di beberapa lokasi, kadar pertumbuhan penduduk yang juga sederhana, jumlah penawaran ruang lantai akan datang (*incoming supply*) serta trend masa hadapan yang berteraskan perdagangan atas talian (*e-commerce*) turut dipertimbangkan dalam unjuran ini. **Jadual 3.12** menunjukkan unjuran keperluan ruang lantai perdagangan mengikut daerah bagi tempoh 2015-2040. Jumlah ruang lantai perdagangan dijangka meningkat daripada 15,283,022 mp pada tahun 2016 kepada 19,653,944 mp menjelang tahun 2040.

Jadual 3.12 : Unjuran Keperluan Ruang Lantai Perdagangan Mengikut Daerah (mp) 2015-2040

Daerah	2016	2020	2025	2030	2035	2040	KPPT %
Batang Padang	771,047	790,323	810,081	830,333	851,092	872,369	0.5
Muallim	78,382	85,436	93,126	101,507	110,643	120,600	1.8
Manjung	1,825,247	1,953,014	2,089,725	2,236,006	2,392,526	2,560,003	1.4
Kinta	7,141,342	7,498,409	7,873,330	8,266,996	8,680,346	9,114,363	1.0
Kampar	980,967	1,025,111	1,071,240	1,119,446	1,169,821	1,222,463	0.9
Kerian	639,455	671,428	704,999	740,249	777,262	816,125	1.0
Kuala Kangsar	630,454	646,215	662,371	678,930	695,903	713,301	0.5
Larut Matang dan Selama	1,476,351	1,587,077	1,706,108	1,834,066	1,971,621	2,119,493	1.5
Hilir Perak	867,131	884,474	902,163	920,206	938,610	957,383	0.4
Bagan Datuk	43,658	46,277	49,054	51,997	55,117	58,424	1.2
Hulu Perak	318,343	335,852	354,324	373,812	394,371	416,062	1.1
Perak Tengah	510,645	541,284	573,761	608,186	644,678	683,358	1.2
Jumlah	15,283,022	16,064,901	16,890,282	17,761,736	18,681,990	19,653,944	-

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

3.6.2 Perindustrian

Unjuran keperluan kawasan industri di Negeri Perak bagi tempoh 2016-2040 dibuat berasaskan kepada stok penawaran dan permintaan industri sedia ada. Kajian ini turut mengambil kira persaingan antara negeri dan persaingan antara kawasan industri untuk merebut pelaburan domestik dan asing yang akan datang. Kadar kekosongan lot industri di kawasan perindustrian terancang dan yang sudah dizonkan juga diambil kira dalam penyediaan unjuran ini. Laporan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Negeri Perak (PIDAP) telah menggariskan pelbagai strategi kritikal di dalam mencapai hasrat Kerajaan Negeri di dalam sektor ini. Bagi tujuan penambahan zon baru perindustrian, kadar purata yang dicadangkan adalah 2.0% setahun. Selaras dengan matlamat untuk membawa industri pembuatan produk bernilai tinggi, kecenderungan industri berintensif modal dan pengurangan penggunaan tenaga buruh, kajian ini mengandaikan nisbah ruang lantai dengan setiap pekerja akan meningkat daripada 60 mp bagi setiap pekerja (2015) kepada 7 mp (2030) dan 80 mp pada tahun 2040. Dengan menggunakan faktor ruang lantai 1:3.6, keluasan zon industri tahun 2016 sebanyak 13,483 hektar adalah melebihi keperluan pembangunan industri sehingga tahun 2040 (**Jadual 3.13**).

Jadual 3.13 : Unjuran Keperluan Kawasan Industri, 2016-2040

Perkara	2016	2020	2025	2030	2035	2040	Pertambahan
Bil. Pekerja industri ('000 orang)	176.1	209.8	225.6	238.1	253.8	274.4	98.3
Ruang lantai industri (mp)	10,566,000	12,588,000	14,664,000	16,667,000	19,035,000	21,952,000	11,386,000
Luas tanah industri terancang diperlukan (hektar)	2,935	3,497	4,073	4,630	5,288	6,098	8,459
Pertambahan tanah industri (hektar)	(10,548)	(9,986)	(9,410)	(8,853)	(8,196)	(7,385)	-

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.



3.7 PELANCONGAN

Unjuran kedatangan pelancong dihasilkan dengan mengambil kira purata kenaikan kedatangan pelancong tahunan bagi tempoh 2011 - 2015 sebanyak 4% setahun atau 20% bagi tempoh 5 tahun. Berdasarkan **Jadual 3.14**, hasil unjuran mendapati jumlah keseluruhan kedatangan pelancong pada tahun 2040 adalah 20,476,868 orang.

Jumlah sasaran pelancong domestik adalah 94%, manakala bagi pelancong antarabangsa pula adalah 6% daripada jumlah keseluruhan pelancong. Sasaran jumlah pelancong domestik dan antarabangsa ini turut mengambil kira sasaran jumlah pelancong bersempena Tahun Melawat Perak 2017 di mana 500,00 pelancong antarabangsa disasarkan oleh kerajaan Negeri.

Jadual 3.14: Unjuran Kedatangan Pelancong ke Negeri Perak Tahun 2015-2040

Pelancong	2015	2020	2025	2030	2035	2040
Domestik	7,963,400	9,282,531	11,139,037	13,366,844	16,040,213	19,248,256
Antarabangsa	265,794	592,502	711,002	853,203	1,023,843	1,228,612
Jumlah	8,229,194	9,875,033	11,850,039	14,220,047	17,064,057	20,476,868

Sumber: *Tourism Perak Management Berhad, 2016 dan Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.*

3.8 PERUMAHAN

Unjuran keperluan perumahan dibuat berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan isi rumah sehingga tahun 2040. Beberapa faktor yang diambil kira dalam menyediakan unjuran keperluan perumahan masa hadapan adalah:

i. Lebihan Unit Rumah

Berdasarkan kepada andaian setiap isi rumah memerlukan sebuah unit kediaman, Negeri Perak pada masa kini mengalami lebihan unit rumah sebanyak 105,497 unit (**Jadual 3.15**). Andaian setiap isi rumah memerlukan sebuah unit kediaman terus digunakan dalam membuat unjuran stok perumahan.

Jadual 3.15: Penduduk dan Isi Rumah Negeri Perak, Tahun 2016

Stok Perumahan Sedia Ada (2016)	Bilangan Isi Rumah 2015	Saiz Isi Rumah 2010	Nisbah Isi Rumah 2010	Lebihan / Kekurangan Penawaran 2016
*719,786	***614,289	**4.04	**1.17	(+) 105,497

Sumber: *Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.*

Nota: * *Tenaga Nasional Berhad, 2016.*
** *Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.*
*** *Unjuran Perunding.*

ii. Unjuran Keperluan Perumahan Berdasarkan Pertambahan Isi Rumah Baru

Berdasarkan kepada unjuran penduduk dan isi rumah, Negeri Perak dijangka mengalami pertambahan isi rumah daripada 614,289 pada tahun 2016 kepada 836,512 isi rumah pada tahun 2040. Pada tahun 2025 dan 2030 pula, bilangan isi rumah dianggarkan masing-masing sebanyak 704,093 dan 745,831. Butiran terperinci pertambahan penduduk dan isi rumah bagi Negeri Perak adalah seperti **Jadual 3.16**.

Jadual 3.16 : Unjuran Isi Rumah Baru Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Tahun	Bilangan Penduduk (Orang)	Bilangan Isi Rumah	Saiz Isi Rumah
2020	2,594,800	656,911	3.95
2025	2,717,800	704,093	3.86
2030	2,826,700	745,831	3.79
2035	2,945,000	793,800	3.71
2040	3,070,000	836,512	3.67

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

iii. Unjuran Keperluan Perumahan Berdasarkan Pertambahan Isi Rumah Mengikut Daerah

Berdasarkan kepada unjuran penduduk dan isi rumah, keperluan perumahan mengikut daerah di Negeri Perak sehingga tahun 2040 adalah seperti **Jadual 3.17**. Dapat dirumuskan bahawa keperluan perumahan berdasarkan pertambahan isi rumah yang paling tinggi sehingga tahun 2040 adalah di Daerah Kinta, diikuti Daerah Larut Matang dan Selama serta Daerah Manjung. Daerah Bagan Datuk mencatatkan keperluan perumahan paling rendah, diikuti Daerah Batang Padang.

Jadual 3.17 : Unjuran Keperluan Perumahan Mengikut Daerah Sehingga Tahun 2040

Daerah	Tahun					
	2016	2020	2025	2030	2035	2040
Batang Padang	21,980	23,165	24,352	25,620	27089	28,474
Muallim	24,109	25,392	26,606	27,995	29704	31,199
Manjung	62,872	67,215	72,539	77,625	82749	88,420
Kinta	213,826	215,519	233,187	245,699	262022	272,888
Kerian	41,099	50,987	54,741	58,549	62911	66,185
Kuala Kangsar	41,786	42,405	44,741	46,649	48571	50,790
Larut Matang dan Selama	81,478	94,152	102,098	110,211	119164	127,057
Hilir Perak	34,463	37,468	38,705	40,237	42156	46,158
Bagan Datuk	17,017	18,633	19,430	20,264	21429	23,678
Hulu Perak	23,559	25,975	27,228	28,311	29407	30,736
Perak Tengah	24,399	28,886	31,321	33,879	36334	37,657
Kampar	27,701	27,114	29,145	30,792	32,264	33,270
Jumlah	614,289	656,911	704,093	745,831	793,800	836,512

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.



3.8.1 Keperluan Unit Perumahan

Berdasarkan **Jadual 3.18**, dapat dirumuskan bahawa terdapat lebih stok perumahan sebanyak 30,921 unit sehingga tahun 2020. Negeri Perak memerlukan penambahan rumah sebanyak 9,041 unit menjelang tahun 2025, tambahan 34,138 unit rumah menjelang tahun 2030, tambahan 51,327 unit rumah menjelang tahun 2035 dan tambahan 45,702 unit rumah menjelang tahun 2040. Unjuran keperluan perumahan mengambil kira unjuran kenaikan penduduk dan program *My Retirement Home* di mana 7% pesara-pesara domestik dan antarabangsa dijangka tinggal di Negeri Perak disebabkan oleh tarikan pelbagai makanan dengan harga berpatutan, gaya hidup yang tenang, bekalan air bersih dan mencukupi serta penduduk tempatan yang mesra.

Jadual 3.18 : Unjuran Isi Rumah Baru Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Perkara	2016	2020	2025	2030	2035	2040
Keperluan Stok Perumahan Berdasarkan Isi Rumah	614,289	656,911	704,093	745,831	793,800	836,512
Keperluan Stok Perumahan Berdasarkan Program <i>My Retirement Home</i> (7%)	43,000	45,984	49,286	52,208	55,566	58,556
Jumlah Diperlukan	657,289	702,895	753,379	798,039	849,366	895,068
Stok Perumahan	719,786	726,801	733,816	753,379	798,039	849,366
Stok Perumahan Komited	(20%) 7,015	(20%) 7,015	(30%) 10,522	(30%) 10,522	-	-
Jumlah Disediakan	726,801	733,816	744,338	763,901	798,039	849,366
Jumlah Bersih Stok Perumahan (Lebih +/ Kekurangan -)	(+) 69,512	(+) 30,921	(-) 9,041	(-) 34,138	(-) 51,327	(-) 45,702

Sumber: *Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula)*, 2016.

Nota : Jumlah perumahan komited : 35,074 unit

Jumlah bersih stok perumahan = Jumlah Disediakan – Jumlah Diperlukan

(+) Lebihan, (-) Kekurangan

3.8.2 Keperluan Tanah Perumahan

Berdasarkan **Jadual 3.19** dapat dirumuskan bahawa unjuran tanah yang diperlukan bagi pembangunan perumahan baru di seluruh Negeri Perak sehingga tahun 2040 adalah 1,335.47 hektar iaitu keperluan tahun 2035 sebanyak 346.40 hektar dan tahun 2040 sebanyak 989.07 hektar. Pecahan terperinci keperluan tanah perumahan mengikut daerah adalah seperti **Jadual 3.19**.

Jadual 3.19 : Unjuran Keperluan Tanah Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	Keperluan Rumah Tahun 2035	Keperluan Tanah Tahun 2035 (Hektar)	Keperluan Rumah Tahun 2040	Keperluan Tanah Tahun 2040 (Hektar)
Batang Padang	383	11.79	1,094	33.65
Muallim	420	12.91	1,198	36.87
Manjung	1,210	37.24	3,456	106.34
Kinta	3,915	120.40	11,174	343.78
Kampar	483	14.88	1,380	42.47
Kerian	775	23.85	2,213	68.11
Kuala Kangsar	704	21.67	2,011	61.86
Larut Matang dan Selama	1,594	49.06	4,553	140.11
Hilir Perak	599	18.42	1,709	52.60
Bagan Datuk	307	9.45	877	26.98
Hulu Perak	404	12.44	1,155	35.53
Perak Tengah	464	14.28	1,325	40.77
Jumlah	11,258	346.40	32,145	989.07

Sumber: *Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.*

Nota: i. *Daerah Kinta, Daerah Manjung & Daerah Larut Matang dan Selama - andaian 90% rumah bertanah (13 unit / 0.40 hektar) dan 10% rumah bertingkat (70 unit / 0.40 hektar)*

ii. *Lain-lain daerah - andaian 100% rumah bertanah (13 unit/ 0.40 hektar)*

iii. *Dari tahun 2016 hingga tahun 2030, hanya melibatkan pembinaan perumahan komited.*



3.9 KEMUDAHAN MASYARAKAT

3.9.1 Kemudahan Pendidikan

Penyediaan kemudahan sekolah menengah dan sekolah rendah bagi Negeri Perak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk sehingga tahun 2040 kecuali di Daerah Kinta dan Manjung (keperluan tambahan bilangan sekolah menengah). Penyediaan kemudahan pendidikan yang mencukupi dapat membantu melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang bagi menyediakan Negeri Perak sebagai sebuah negeri berpendidikan tinggi.

Jadual 3.20 : Unjuran Keperluan Kemudahan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Mengikut Daerah Bagi Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	Bilangan Murid (2016)	Bilangan						Tambahan
		2016	2020	2025	2030	2035	2040	
		Sekolah Menengah: Bilangan Murid (1:1,000)						
Batang Padang	9,303	16	10	10	10	11	11	0
Muallim	6,356	9	7	7	7	7	8	0
Manjung	18,104	21	19	20	22	22	24	3
Kinta	55,778	58	59	63	64	67	69	11
Kampar	6,768	9	7	7	8	8	8	0
Kerian	16,645	22	18	19	20	21	21	0
Kuala Kangsar	15,423	24	16	16	17	17	18	0
Larut Matang dan Selama	25,982	36	21	26	28	29	31	0
Hilir Perak	11,879	17	13	14	14	14	15	0
Bagan Datuk	5,097	7	5	5	5	5	6	0
Hulu Perak	6,904	14	7	8	8	8	8	0
Perak Tengah	9,043	15	8	9	9	10	10	0
Jumlah	187,282	248	196	208	215	223	232	14
Sekolah Rendah: Bilangan Murid (1:800)								
Batang Padang	10,687	69	14	14	15	15	16	0
Muallim	5,479	28	7	7	8	8	8	0
Manjung	23,964	83	32	34	35	37	40	0
Kinta	62,552	138*	83	88	91	95	98	0
Kampar	7,481	37	10	10	11	11	11	0
Kerian	16,072	67*	21	22	24	25	26	0
Kuala Kangsar	14,819	89	19	20	20	20	21	0
Larut Matang dan Selama	26,232	109*	57	61	64	68	72	0
Hilir Perak	11,559	60	15	15	15	16	17	0
Bagan Datuk	5,238	54	7	7	7	7	8	0
Hulu Perak	10,720	56	14	15	15	15	16	0
Perak Tengah	9,289	58	12	13	13	14	14	0
Jumlah	204,092	848*	269	282	293	304	318	0

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Nota: *Tidak termasuk Sekolah Pendidikan Khas di Kinta dan Larut Matang dan Sekolah Agama di Kerian.

3.9.2 Kemudahan Kesihatan

Sehingga tahun 2040, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 64 buah klinik kesihatan terutama di Daerah Kinta, Larut Matang dan Selama, Muallim, Kampar, Kerian, Kuala Kangsar, Hilir Perak dan Manjung. Namun kemudahan ini dapat disokong oleh kemudahan kesihatan lain yang telah disediakan seperti klinik desa, klinik 1 Malaysia dan klinik bergerak bagi memastikan kemudahan kesihatan dapat disediakan kepada penduduk. Penyediaan kemudahan kesihatan dari agensi swasta juga dapat membantu dalam menyediakan kemudahan kesihatan kepada penduduk.

Jadual 3.21: Unjuran Kemudahan Kesihatan Mengikut Daerah Bagi Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	Bilangan						Tambahan
	2016	2020	2025	2030	2035	2040	
Hospital (1:375,000)							
Batang Padang	1	1	1	1	1	1	0
Muallim	1	1	1	1	1	1	0
Manjung	1	1	1	1	1	1	0
Kinta*	2	2	2	2	2	2	0
Kampar	1	1	1	1	1	1	0
Kerian	1	1	1	1	1	1	0
Kuala Kangsar	2	2	2	2	2	2	0
Larut Matang dan Selama	2	2	2	2	2	2	0
Hilir Perak	1	1	1	1	1	1	0
Bagan Datuk	0	0	0	0	0	0	0
Hulu Perak	1	1	1	1	1	1	0
Perak Tengah	1	1	1	1	1	1	0
Jumlah	14	14	14	14	14	14	0
Klinik Kesihatan (1: 20,000)							
Batang Padang	6	5	5	5	5	5	0
Muallim	2	5	5	5	6	6	4
Manjung	8	13	14	14	14	15	7
Kinta	14	43	45	47	49	50	36
Kampar	4	5	5	5	5	5	1
Kerian	10	10	10	11	11	11	1
Kuala Kangsar	7	8	8	8	8	9	2
Larut Matang dan Selama	13	19	20	21	22	23	10
Hilir Perak	4	7	7	7	7	7	3
Bagan Datuk	4	3	3	3	3	4	0
Hulu Perak	5	5	5	5	5	5	0
Perak Tengah	8	5	6	6	6	6	0
Jumlah	85	130	136	141	147	153	64

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Nota: *Tidak termasuk Hospital Bahagia Ulu Kinta.



3.9.3 Kemudahan Keselamatan

Berdasarkan unjuran yang dibuat, didapati kemudahan balai polis memerlukan tambahan sebanyak 94 buah sehingga tahun 2040 terutama di Daerah Kinta, Larut Matang dan Selama, Manjung dan Kerian. Walau bagaimanapun, kemudahan ini juga disokong dengan adanya kemudahan keselamatan lain seperti pondok polis, bit polis dan balai polis bergerak bagi memastikan keselamatan penduduk adalah terjamin. Pelbagai program telah dijalankan bagi menggalakkan kerjasama orang awam untuk membanteras jenayah seperti Rakan Cop dan Program Bandar Selamat. Berdasarkan unjuran, didapati kemudahan bomba memerlukan tambahan sebanyak 27 buah balai sehingga tahun 2040 bagi menampung keperluan penduduk di Negeri Perak.

Jadual 3.22: Unjuran Kemudahan Keselamatan Mengikut Daerah Bagi Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	Bilangan						Tambahan
	2016	2020	2025	2030	2035	2040	
Balai Polis (1: 15,000)							
Batang Padang	7	6	6	6	7	7	0
Muallim	5	6	6	7	7	7	2
Manjung	10	17	18	19	20	21	11
Kinta	29	57	60	62	65	67	38
Kampar	7	7	7	7	7	8	1
Kerian	6	13	14	14	15	16	10
Kuala Kangsar	9	11	11	11	12	12	3
Larut Matang dan Selama	14	25	26	28	29	31	17
Hilir Perak	5	9	9	10	10	11	6
Bagan Datuk	3	4	5	5	5	5	2
Hulu Perak	8	6	7	7	7	7	0
Perak Tengah	5	7	8	8	8	9	4
Jumlah	108	166	176	183	190	199	94
Balai Bomba (1: 50,000)							
Batang Padang	2	1	1	1	2	2	0
Muallim	2	2	2	2	2	2	0
Manjung	5	5	5	5	6	6	1
Kinta	5	17	18	19	19	20	15
Kampar	2	2	2	2	2	2	0
Kerian	3	4	4	4	4	4	1
Kuala Kangsar	2	3	3	3	3	3	1
Larut Matang dan Selama	3	7	8	8	9	9	6
Hilir Perak	1	2	2	3	3	3	2
Bagan Datuk	1	1	1	1	1	1	0
Hulu Perak	3	2	2	2	2	2	1
Perak Tengah	2	2	2	2	2	2	0
Jumlah	31	48	48	51	54	56	27

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.



3.8.4 Kemudahan Keagamaan dan Perkuburan

Unjuran penduduk Islam dan Bukan Islam dibuat berdasarkan jumlah penduduk yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dengan anggaran 53% merupakan penduduk melayu (beragama Islam) dan 47% adalah bukan beragama Islam. **Jadual 3.23** menunjukkan unjuran jumlah penduduk Islam dan bukan Islam sehingga tahun 2040.

Jadual 3.23 : Unjuran Penduduk Beragama Islam dan Bukan Islam Negeri Perak , 2016

Daerah	2016		2020		2025		2030		2035		2040	
	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam	Islam	Bukan Islam
Batang Padang	47,064	41,736	48,495	43,005	49,820	44,180	51,463	41,753	53,265	55,265	53,385	44,935
Muallim	51,622	45,778	53,159	47,141	54,431	48,269	56,233	49,867	58,406	51,794	60,685	53,815
Manjung	133,288	117,312	140,715	124,785	148,400	131,600	155,926	138,274	162,710	144,290	171,985	152,515
Kinta	429,300	380,700	451,136	400,064	473,237	419,663	493,536	437,664	515,213	456,887	530,795	470,705
Kampar	54,908	48,692	56,763	50,337	59,625	52,875	61,851	54,849	63,441	56,259	64,713	57,387
Kerian	101,071	89,629	106,742	94,658	111,989	99,311	117,607	104,293	123,702	109,698	128,737	114,163
Kuala Kangsar	86,814	76,986	88,775	78,725	91,531	81,169	93,704	83,096	95,506	84,694	98,792	87,608
Larut Matang dan Selama	201,488	151,312	212,610	159,290	225,893	168,207	240,275	177,375	254,441	187,659	268,599	197,701
Hilir Perak	76,532	67,868	78,440	69,560	79,182	70,218	80,825	71,675	82,892	73,508	89,782	79,618
Bagan Datuk	37,842	33,558	39,008	34,592	39,750	35,250	40,704	36,096	42,135	37,365	46,057	40,843
Hulu Perak	51,569	45,731	54,378	48,222	55,703	49,397	56,869	50,431	57,823	51,277	59,784	53,016
Perak Tengah	57,028	50,572	60,473	53,627	64,077	56,823	68,052	60,348	71,444	63,356	73,246	64,954

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.



i. Rumah Ibadat

Berdasarkan unjuran penduduk Islam dan bukan Islam, didapati secara keseluruhannya kemudahan keagamaan (masjid) masih belum mencukupi bagi sesetengah daerah terutama di Daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Manjung. Bagi kemudahan keagamaan bagi bukan Islam juga didapati belum mencukupi terutama di Daerah Kinta, Perak Tengah dan Kerian.

Jadual 3.24: Unjuran Kemudahan Keagamaan Mengikut Daerah Di Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	Bilangan						Tambahan
	2016	2020	2025	2030	2035	2040	
Masjid (1: 2,600)							
Batang Padang dan Muallim	36	18	18	19	20	21	(-)15
Manjung	42	51	54	59	62	66	24
Kinta	65	165	173	182	198	204	129
Kerian	68	41	35	36	36	37	(-)31
Kuala Kangsar	76	34	35	36	36	37	39
Larut Matang dan Selama	89	81	87	92	98	103	14
Hilir Perak dan Bagan Datuk	77	30	30	31	31	34	(-)43
Hulu Perak	51	20	21	21	22	22	(-)29
Perak Tengah	70	23	24	26	31	34	(-)36
Kampar	24	21	22	23	24	24	0
Jumlah	598	484	498	525	557	582	207
Rumah Ibadat Bukan Islam (1: 2,600)							
Batang Padang dan Muallim	39	16	16	16	16	17	(-)22
Manjung	62	47	50	53	55	58	(-)4
Kinta	156	153	161	168	175	181	25
Kerian	29	36	38	40	42	43	14
Kuala Kangsar	46	30	30	31	32	33	(-)13
Larut Matang dan Selama	110	61	65	68	72	76	(-)34
Hilir Perak dan Bagan Datuk	71	26	27	27	28	30	(-)41
Hulu Perak	18	18	18	19	19	20	2
Perak Tengah	8	20	21	23	24	24	16
Kampar	22	19	20	21	21	22	0
Jumlah	561	434	445	466	484	503	57

Sumber: Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

ii. Perkuburan

Keperluan tanah kubur sehingga tahun 2040 di Negeri Perak adalah mencukupi. Keperluan semasa masih dapat menampung keperluan penduduk sehingga tahun 2040 berdasarkan piawaian seperti berikut:

PENDUDUK ISLAM		PENDUDUK BUKAN ISLAM	
Bilangan Penduduk	Keluasan (Hektar)	Bilangan Penduduk	Keluasan (Hektar)
5,000 - 10,000	0.5 - 1.0	5,000 - 10,000	0.2 – 0.4
10,000 - 30,000	1.0 - 3.0	10,000 - 30,000	0.4 – 1.2
>75,000	7.5	>75,000	3.0
>200,000	20	>200,000	8.0

Jadual 3.25 : Unjuran Kemudahan Perkuburan Islam Mengikut Daerah Bagi Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	Perkuburan Islam		Perkuburan Bukan Islam	
	Penduduk Islam Tahun 2040	Keluasan (Hektar)	Penduduk Bukan Islam Tahun 2040	Keluasan (Hektar)
Batang Padang	53,385	27.54	44,935	87.91
Muallim	60,685	22.5	53,815	30.95
Manjung	171,985	62.87	152,515	258.3
Kinta	530,795	56.81	470,705	288.62
Kampar	64,713	32.83	57,387	72.69
Kerian	128,737	28.01	114,163	49.74
Kuala Kangsar	98,792	111.08	87,608	120.59
Larut Matang dan Selama	268,599	90.71	197,701	268.57
Hilir Perak	89,782	6.79	79,618	60.03
Bagan Datuk	46,057	15.88	40,843	3.97
Hulu Perak	59,784	81.23	53,016	24.54
Perak Tengah	73,246	137.45	64,954	2.02

Sumber: *Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.*



3.10 TANAH LAPANG DAN REKREASI

Unjuran keperluan kawasan lapang dan rekreasi bagi setiap daerah disediakan bagi taman bandaran dan taman tempatan.

i. Taman Bandaran

Berdasarkan unjuran keperluan taman bandaran mengikut daerah sehingga tahun 2040 (**Jadual 3.26**), Negeri Perak perlu menyediakan dua lagi taman bandaran seluas 80 hektar di dua daerah iaitu Daerah Muallim dan Bagan Datuk.

Jadual 3.26 : Unjuran Keperluan Taman Bandaran Mengikut Daerah di Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	2015		2020		2025		2030		2035		2040		Keperluan Tambahan	
	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Keluasan (hektar)
Batang Padang	1	88,800	1	91,500	1	94,000	1	97,100	1	100,500	1	104,500	-	-
Muallim	0	97,400	1	100,300	1	102,700	1	106,100	1	110,200	1	114,500	1	40.0
Manjung	2	249,600	1	265,500	1	280,000	1	294,200	1	307,000	1	324,500	-	-
Kinta	4	810,400	1	851,300	1	900,100	1	931,200	1	972,100	1	1,001,500	-	-
Kampar	1	103,600	1	107,100	1	112,500	1	116,700	1	119,700	1	122,100	-	-
Kerian	1	190,700	1	201,400	1	211,300	1	221,900	1	233,400	1	242,900	-	-
Kuala Kangsar	1	163,800	1	167,500	1	172,700	1	176,800	1	180,200	1	186,400	-	-
Larut Matang & Selama	2	352,800	1	371,900	1	394,100	1	417,700	1	442,100	1	466,300	-	-
Hilir Perak	1	144,400	1	148,000	1	149,400	1	152,500	1	156,400	1	169,400	-	-
Bagan Datuk	0	71,300	1	73,600	1	75,000	1	76,800	1	79,500	1	86,900	1	40.0
Hulu Perak	1	97,300	1	102,600	1	105,100	1	107,300	1	109,100	1	112,800	-	-
Perak Tengah	2	107,600	1	114,100	1	120,900	1	128,400	1	134,800	1	138,200	-	-
Jumlah	17	2,477,700	12	2,594,800	12	2,717,800	12	2,826,700	13	2,945,000	13	3,070,000	2	80.0

Sumber: Data PBT 2016; Data GIS, JPBD Perak 2016; LASP RT; Laporan Teknikal RSN Perak 2020 dan Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Nota: Taman Bandaran (1 unit bagi 50,001 dan ke atas/100,000-1juta).



ii. Taman Tempatan

Berdasarkan unjuran keperluan taman tempatan mengikut daerah (**Jadual 3.27**), Negeri Perak perlu menyediakan sebanyak 35 taman tempatan iaitu seluas 280 hektar sehingga tahun 2040. Penyediaan lebih banyak taman tempatan diperlukan selaras dengan bilangan penduduk yang semakin bertambah terutama di Daerah Kinta, Larut Matang dan Selama, Manjung, Kerian, Kuala Kangsar dan Perak Tengah.

Jadual 3.27 : Unjuran Keperluan Taman Tempatan Mengikut Daerah di Negeri Perak Sehingga Tahun 2040

Daerah	2015		2020		2025		2030		2035		2040		Keperluan Tambahan	
	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Penduduk	Bil	Keluasan (hektar)
Batang Padang	4	88,800	1	91,500	1	94,000	1	97,100	2	100,500	2	104,500	-	-
Muallim	2	97,400	2	100,300	2	102,700	2	106,100	2	110,200	2	114,500	-	-
Manjung	1	249,600	5	265,500	5	280,000	5	294,200	6	307,000	6	324,500	5	40
Kinta	5	810,400	16	851,300	17	900,100	18	931,200	19	972,100	20	1,001,500	15	120
Kampar	3	103,600	2	107,100	2	112,500	2	116,700	2	119,700	2	122,100	-	-
Kerian	1	190,700	4	201,400	4	211,300	4	221,900	4	233,400	4	242,900	3	24
Kuala Kangsar	0	163,800	3	167,500	3	172,700	3	176,800	3	180,200	3	186,400	3	24
Larut Matang & Selama	1	352,800	6	371,900	6	394,100	8	417,700	8	442,100	8	466,300	7	56
Hilir Perak	4	144,400	2	148,000	2	149,400	3	152,500	3	156,400	3	169,400	-	-
Bagan Datuk	1	71,300	1	73,600	1	75,000	1	76,800	1	79,500	1	86,900	-	-
Hulu Perak	3	97,300	2	102,600	2	105,100	2	107,300	2	109,100	2	112,800	-	-
Perak Tengah	0	107,600	2	114,100	2	120,900	2	128,400	2	134,800	2	138,200	2	16
Jumlah	25	2,477,700	50	2,594,800	54	2,710,800	56	2,826,700	56	2,945,000	60	3,070,000	35	280

Sumber: Data PBT 2016; Data GIS, JPBD Perak 2016; LASP RT; Laporan Teknikal RSN Perak 2020 dan Kajian RSN Perak 2040 (Kajian Semula), 2016.

Nota: Taman Tempatan (1 unit bagi 12,000 hingga 50,000 orang).